

Dr. Halim pangku jawatan Pengerusi TNB mulai hari ini

UM 2 1 NOV 2002

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Dr. Halim Shafie akan memangku jawatan Pengerusi Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang dilepaskan oleh Datuk Dr. Jamaludin Jarjis, berkuat kuasa, esok.

Jamaludin yang dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua berkata, jawatan yang akan dipangku oleh Halim adalah sementara (interim) dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menentukan siapa pengerusi TNB yang baru kelak.

Menurutnya, beliau juga akan meletak mana-mana jawatan dalam anak syarikat TNB, syarikat-syarikat lain dan melupuskan semua kepentingan dalam syarikat terbabit.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli lembaga pengarah yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Pian Sukro dan semua 25,000 kakitangan TNB di atas sokongan kepada saya bagi memastikan agenda dilaksanakan," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang media di ibu pejabat syarikat utiliti itu di sini hari ini.

Jamaludin yang juga Ahli Parlimen Rompin diumumkan sebagai Menteri Kewangan Kedua dalam satu rombongan kecil Kabinet, semalam.

Beliau turut memberi jaminan bahawa dasar TNB akan diteruskan selepas pemergiannya berdasarkan draf dasar tersebut dirangka bersama-sama dengan pengurusan sekarang.

Jelasnya, TNB berada di tangan pengurusan yang baik dan kini terpulang kepada Pian untuk melaksanakan

nya dengan menambah nilai menerusi perkhidmatan yang lebih baik.

Ditanya sama ada beliau berwibawa untuk memikul tanggungjawab yang akan diamanahkan kepadanya, Jamaludin menyerahkan perkara itu kepada pasaran sebagai pengukur.

"Biar pasaran yang menghakimkannya. Ingat lagi, apabila saya menyertai TNB harga sahamnya jatuh sebanyak RM1. Pasaran adalah adil dan biar ia menentukannya," ujarnya.

Ditanya apakah kekecewaan yang paling teruk beliau alami semasa menerajui TNB, Jamaludin mengangapnya pengalaman di syarikat utiliti tersebut sebagai satu pakej di mana beliau tidak mempunyai pilihan untuk mengelak kekecewaan.

Sementara itu, Jamaludin yang enggan menjawab sebarang pertanyaan membabitkan jawatan barunya itu hanya berkata, tugas utama beliau ialah menyokong sebarang yang boleh bagi menyokong hal-hal berkaitan dengan kewangan negara.

Jelasnya, beliau akan mengadakan sidang akhbar selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Kewangan Kedua esok.